

Etika Penggunaan Prompt Kecerdasan Buatan (AI) dalam Memelihara Kesahihan Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Akidah, Fikah dan Tasawwuf

Ethical Use of Prompts in Artificial Intelligence (AI) to Safeguard the School of Thought of Ahl Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) in Creed, Fiqh and Tasawwuf

Manar Muhammad

Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI).
80350 Johor Bahru, Johor. Malaysia.
manar@kuijsi.edu.my

Muhammad Zaki Sapuan

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah. Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia. 43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia.
a197588@siswa.ukm.edu.my

Muhammad Haziq Jani

Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS).
Universiti Teknologi Nanyang (NTU). Singapura.
ismhaziq@ntu.edu.sg

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol53no1.4>

Abstract

The rising utilisation of artificial intelligence (AI) in everyday life, including within Islamic religious discourse, has raised concerns regarding the potential dissemination of deviant ideologies through unfiltered AI generated responses. In response to this issue, the present study aims to examine the necessity of employing ethically framed prompts in AI systems to enhance the awareness of Muslim users, particularly in preserving the doctrinal integrity of Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ) school of thought in the domains of 'aqidah (theology), fiqh (jurisprudence), and tasawwuf (spirituality). This qualitative study adopts a content analysis approach, examining ChatGPT's responses to a range of prompt designs, some of which explicitly articulate the theological and legal frameworks of Islam, while others remain general. The data are analysed comparatively with reference to authoritative ASWJ sources and current literature on AI ethics. The findings indicate that ambiguous or unspecific prompts may result in the integration of ideological elements that deviate from ASWJ orthodoxy. Conversely, precise and contextually guided prompts tend to produce responses that are more consistent with theologically sound. The study introduces the

concept of the ‘Ethical Islamic Prompt’ as a foundational framework for guiding Muslim engagement with AI systems. The implications of this study contribute to the early development of Islamic AI literacy and offer a basis for formulating ethical AI usage policies within religious authorities and Islamic educational institutions.

Keywords: Artificial Intelligence; prompt; Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah; Islamic AI; ethics

Abstrak

Peningkatan penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam kehidupan seharian termasuk dalam ruang perbincangan agama Islam menimbulkan kebimbangan terhadap potensi penyebaran fahaman menyeleweng melalui respons AI yang tidak ditapis. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis keperluan penggunaan *prompt* yang beretika dalam kecerdasan buatan (AI) dalam mendidik pengguna Muslim agar lebih berwaspada khususnya bagi memelihara kesahihan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) dalam bidang akidah, fiqh dan tasawuf. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis kandungan terhadap maklum balas ChatGPT berdasarkan pelbagai reka bentuk *prompt*, sama ada yang menyatakan kerangka mazhab akidah dan fiqh dengan jelas mahupun yang bersifat umum. Data dianalisis secara perbandingan dengan rujukan kitab-kitab muktabar ASWJ dan literatur etika AI semasa. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketidakjelasan dalam penggunaan *prompt* boleh menyebabkan pencampuran fahaman yang tidak selari dengan ASWJ, manakala *prompt* yang tepat dan terarah mampu menghasilkan respons yang lebih selamat dan sahih. Kajian ini mencadangkan konsep ‘Prompt Islamik Beretika’ sebagai kerangka panduan asas bagi pengguna Muslim. Implikasinya, kajian ini memberi sumbangan awal kepada pembangunan literasi AI Islamik dan dasar penggunaan AI beretika oleh institusi keagamaan dan pendidikan Islam.

Kata Kunci: Kecerdasan Buatan; *prompt*; Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ); AI Islamik; etika

Pendahuluan

Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) merupakan teknologi yang semakin berkembang pesat dan mula diaplikasikan dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, perubatan, ekonomi dan agama. Teknologi ini khususnya dalam bentuk aplikasi pemprosesan bahasa semula jadi seperti ChatGPT telah membuka ruang interaksi baharu antara manusia dan maklumat. AI kini tidak

lagi berperanan sekadar sebagai alat carian, tetapi turut digunakan sebagai rujukan bagi pelbagai persoalan termasuk isu-isu keagamaan.¹ Namun begitu, sistem AI dibangunkan berdasarkan pemodelan bahasa yang dilatih menggunakan data berskala besar daripada pelbagai sumber, termasuk yang tidak berteraskan epistemologi Islam.² Maka, terdapat kemungkinan respons AI bercampur aduk dengan fahaman luar yang boleh mengelirukan, terutamanya apabila pengguna Muslim tidak menyatakan batasan mazhab atau aliran dalam pertanyaan mereka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar menekankan bahawa etika dan garis panduan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) perlu diteliti dari sudut Islam. Beliau menyatakan bahawa maklumat terperinci mengenai semua aspek teknologi AI perlu difahami dan dikuasai dengan mengkaji kelebihan dan kekurangan teknologi berkenaan, peluang yang boleh diteroka serta ancaman sekitar teknologi ini disalahgunakan. Beliau mencadangkan agar penerokaan teknologi AI ini diimbangi antara golongan cendekiawan dan agamawan melalui pematuhan garis panduan, prosedur, pengawalan dan etika penggunaan teknologi ini menurut acuan dan perspektif Islam.³

AI dan Kekeliruan Fahaman Agama dalam Konteks Ahli Sunnah Wal Jamaah

Berdasarkan konteks keagamaan, pengaruh AI terhadap kefahaman masyarakat mengenai akidah, fiqh dan tasawuf semakin membimbangkan. AI tidak memiliki kesedaran teologi atau pertimbangan kebenaran dari sudut epistemologi Islam. Oleh itu, maklumat yang dijana melalui sistem AI berpotensi membawa kepada penyelewengan fahaman jika tidak ditapis dengan teliti.

¹ Nur Afiqah Mustaffa et al., “Peranan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam Membantu Pencarian Maklumat al-Quran dan Hadis dalam Pengajaran dan Pembelajaran”, E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-9 (PASA9 2024), 795–806.

² Lukman Hakim & Muhamad Risqil Azizi, “Otoritas Fatwa Keagamaan dalam Konteks Era Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence/AI*)”, *Ar-Risalah: Media Keislaman Pendidikan dan Hukum Islam* 21.2 (2023), 164–174.

³ Omar Zin, “Dewan Rakyat: Etika, Garis Panduan guna AI perlu diteliti dari Sudut Islam,” Laman Sesawang *Utusan Malaysia*, 27 November 2023. <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/dewan-rakyat-etika-garis-panduan-guna-ai-perlu-diteliti-dari-sudut-islam/>.

Perkara ini menjadi lebih berisiko apabila pengguna tidak menyedari bahawa gaya dan kandungan ‘prompt’ yang mereka gunakan boleh mempengaruhi jenis jawapan yang dijana. Oleh itu, penggunaan *prompt* yang beretika dan selari dengan prinsip ilmu Islam amat penting bagi memastikan respons yang diperoleh tidak bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ).

Kecerdasan buatan (AI) tidak lagi berfungsi sekadar sebagai alat carian maklumat, malah kini telah menjadi rujukan utama dalam pelbagai persoalan termasuk hal ehwal keagamaan. Kajian mendapati bahawa generasi muda Muslim semakin bergantung kepada enjin carian dan aplikasi AI untuk memahami agama.⁴ Namun begitu, penggunaan AI yang tidak disertai dengan asas pengetahuan agama yang kukuh boleh membawa kepada penyimpangan fahaman. Kajian oleh Adawiah Hosni menunjukkan bahawa pengguna AI yang tidak mempunyai asas ilmu agama cenderung menerima jawapan AI sebagai muktamad tanpa merujuk kepada kitab *turath* atau guru agama yang muktabar.⁵ Fenomena ini memberi laluan kepada relativisme agama, iaitu kepercayaan bahawa semua pandangan adalah sama sah yang jelas bertentangan dengan prinsip Ahli Sunnah wal Jamaah yang menegaskan kebenaran mutlak berdasarkan nas dan ijmak.

Maklumat yang dijana oleh sistem AI berpotensi mengandungi fahaman luar yang bercampur aduk terutamanya apabila pengguna Muslim tidak menyatakan batasan mazhab atau aliran akidah dalam pertanyaan mereka. Hal ini boleh menyebabkan kekeliruan lebih-lebih lagi jika pengguna tidak sedar bahawa gaya dan kandungan ‘prompt’ yang digunakan amat mempengaruhi jenis jawapan yang dijana oleh AI. Kajian oleh Tsuria & Tsuria turut mendapati bahawa masih timbul persoalan sama ada AI benar-benar mampu menggambarkan perbezaan

⁴ Ines Gassal-Bosch, “The Quest for Islam in a Virtual Maze: How the Internet is Shaping Religious Knowledge among Young Muslims in Berlin-Kreuzberg,” *The Oxford Middle East Review* 2.1 (2018), 30. Kenyataan ini juga dibincangkan dalam kajian Bouziane Zaid et al., “Digital Islam and Muslim Millennials: How Social Media Influencers Reimagine Religious Authority and Islamic Practices,” *Religions* 13. 4 (2022), 5. <https://doi.org/10.3390/rel13040335>.

⁵ Adawiah Hosni, Mohd Farhan Md Ariffin & Hamdi Ishak, “Isu dan Cabaran Chatgpt Terhadap Pengajaran Islam,” *Al-Turath Journal of al-Quran and al-Sunnah* 8.1. (2023), i-xvii.

halus dan keunikan antara tradisi keagamaan, terutamanya apabila ‘prompt’ yang digunakan tidak tepat.⁶

Lebih membimbangkan, penggunaan teknologi AI generatif (GenAI) juga boleh disalah guna oleh pihak tertentu untuk menyebarkan maklumat palsu, ucapan kebencian, atau propaganda yang kelihatan sah dan ilmiah.⁷ Ini menimbulkan kebimbangan terhadap potensi penyalahgunaan AI dalam menjawab soalan-soalan agama. Jika *prompt* yang diberikan bersifat condong kepada ideologi tertentu, AI akan mengeluarkan respons yang mengesahkan kecenderungan tersebut, berdasarkan prinsip ‘reinforcement bias’ dalam pembelajaran mesin. Dalam konteks ini, AI tidak bersifat natural, tetapi bergantung sepenuhnya kepada corak dan tujuan pertanyaan. Menyedari akan bahaya ini, Media Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) turut menggesa umat Islam agar lebih berhati-hati.⁸ Namun begitu, belum terdapat satu garis panduan khusus berkenaan penggunaan AI dalam urusan keagamaan.

Signifikasi Etika *Prompt* dalam Menjamin Ketulenan Ilmu Islam

Kemunculan kecerdasan buatan (AI) sebagai medium penyebaran ilmu menuntut perhatian serius terhadap aspek etika, khususnya ketika kandungan yang dihasilkan melibatkan akidah, fiqh dan tasawuf berpaksikan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Etika penyusunan prompt memainkan peranan penting sebagai “penapis digital” yang memastikan setiap maklumat kekal sahih, terjaga rujukannya dan tidak menyimpang daripada kerangka epistemologi Islam. Tanpa pedoman yang jelas, algoritma AI berisiko mempopularkan

⁶ Ruth Tsuria & Tsuria Yossi, “Artificial Intelligence’s Understanding of Religion: Investigating the Moralistic Approaches Presented by Generative Artificial Intelligence Tools”, *Religions* 15.375 (2024), 1–15.

⁷ UNESCO, “Panduan AI Generatif dalam Pendidikan dan Penyelidikan,” <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000390836>.

⁸ Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah, “Kenyataan Media Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Berkenaan Nasihat Kepada Umat Islam Supaya Berhati-hati dalam Berbicara di Media Sosial,” Laman Sesawang JAKIM, <https://www.islam.gov.my/ms/kenyataan-media/4659-kenyataan-media-pengerusi-jawatankuasa-muzakarah-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-agama-islam-malaysia-mki-berkenaan-nasihat-kepada-umat-islam-supaya-berhati-hati-dalam-berbicara-di-media-sosial>.

data terpesong, sekali gus mengaburkan tradisi keilmuan yang diwarisi turun-temurun.

Perbincangan tentang etika prompt ini juga memperlihatkan tanggungjawab syar'i pengguna Muslim dalam mengekang sebarang unsur yang boleh mencemarkan kesucian ilmu agama. Melaluinya, terbuka ruang bagi pembentukan garis panduan institusi, dasar penggunaan AI di pusat pengajian Islam, serta kurikulum literasi AI Islamik yang tersusun. Justeru, pendidik, pembuat dasar, pembangun teknologi dan masyarakat umum dapat menghadapi cabaran kecerdasan buatan dengan lebih sejahtera, berteraskan nilai agama dan berorientasikan maslahah ummah.

Isu Kritikal dalam Penggunaan AI bagi Ilmu Islam

Integrasi kecerdasan buatan (AI) dalam pendidikan Islam berkembang pesat, namun turut menimbulkan isu kritikal tentang kesahihan data yang menjadi asas teknologi ini. Tanpa panduan yang jelas, penggunaan AI boleh mengganggu kefahaman masyarakat Muslim terhadap akidah, fiqh dan tasawuf. Oleh itu, penerapan prompt yang beretika serta berpaksikan sumber ilmu Islam yang sah amat diperlukan bagi memastikan maklumat yang dijana selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Institusi keagamaan dan pendidikan Islam pula mesti menggubal langkah strategik untuk membimbing umat Islam agar penggunaan AI kekal berada pada landasan ilmu yang sahih.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan terhadap respons yang dijana oleh kecerdasan buatan (AI) khususnya ChatGPT. Fokus kajian tertumpu kepada pelbagai bentuk pertanyaan (prompt) yang merangkumi isu akidah, fiqh dan tasawuf dalam konteks perbincangan Islam. Data primer kajian ini diperoleh melalui pemerhatian sistematik terhadap respons AI apabila diberikan soalan-soalan yang berbeza dari segi konteks sama ada bersifat umum atau khusus. Pemerhatian ini membolehkan pengkaji mengenal pasti corak jawapan serta potensi penyimpangan kandungan yang boleh berlaku akibat ketidaktepatan ‘prompt’ yang digunakan. Seterusnya, data sekunder diperoleh melalui kaedah rujukan silang (cross-reference) terhadap sumber-sumber ilmu Islam yang

muktabar menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ), termasuk kitab-kitab *turath* dan pandangan ulama yang muktabar. Turut dirujuk ialah kajian-kajian literatur terdahulu berkaitan penggunaan AI dalam konteks keagamaan dan etika teknologi. Kajian ini memberi tumpuan kepada wacana etika penggunaan AI dalam menjawab persoalan agama serta mengetengahkan keperluan kawalan terhadap penggunaan teknologi moden yang bersifat terbuka dan sentiasa berkembang.

Respons AI terhadap Ilmu Akidah, Fiqh dan Tasawuf

Dapatkan awal menunjukkan bahawa respons AI terhadap soalan-soalan berkaitan agama sering kali bercampur aduk antara pelbagai fahaman dalam Islam dan luar Islam sekiranya pengguna tidak menyatakan secara khusus kerangka rujukan yang dikehendaki. AI seperti ChatGPT beroperasi berdasarkan pemodelan statistik dan tidak mempunyai kefahaman sebenar terhadap konteks hukum atau akidah Islam. Justeru, apabila seorang pengguna mengemukakan soalan secara umum seperti “Apakah akidah yang paling benar dalam Islam?”, respons yang dijana sering kali mengandungi campuran antara pandangan Ahli Sunnah wal Jamaah dan pandangan yang bercanggah seperti fahaman tauhid tiga Ibnu Taimiyah yang terbahagi kepada tauhid uluhiiyah, rububiyyah dan asma wa sifat.⁹ Malah, kadangkala diselitkan dengan unsur fahaman salafiah wahabiah yang dikatakan seakan kelompok ini juga termasuk dalam akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sedangkan mengikut laporan rasmi Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Johor dengan jelas menolak fahaman Wahabi sebagai satu fahaman yang sesat dan menyeleweng.¹⁰ Fahaman Wahabi telah ditolak secara rasmi oleh beberapa pihak berkuasa agama di Malaysia atas alasan bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi asas kepada amalan Islam di negara ini. Majlis Fatwa Kebangsaan menyatakan bahawa fahaman tersebut tidak sesuai diamalkan kerana

⁹ Al-Jarjani, Sharif Ali bin Muhammad, *Sharh al-Mawaqif fi Ilm al-Kalam*, Ahmad Mahdi (pnyt) (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1976). Lihat juga al-Jauhari, Muhammad Rabi' Muhammad, *Waqaafat Ma 'a al-Syeikh al-Bajuri wa al-Jauharah* (Kaherah: Universiti al-Azhar, 2015).

¹⁰ Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, Fahaman Wahabi: Warta Kerajaan Negeri Johor, Jil. 61, No. 3, 2 Februari 2017, disiarkan di bawah Seksyen 47 dan subseksyen 48(6), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [Enakmen 16 Tahun 2003].

cenderung mengkafirkan umat Islam lain yang tidak sehaluan, dan memberi ruang kepada negeri-negeri untuk mengeluarkan fatwa pengharaman¹¹. Negeri seperti Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Johor dan Wilayah Persekutuan telah menyatakan penolakan terhadap Wahabi melalui fatwa dan kenyataan rasmi. Penolakan ini didasarkan pada keperluan memelihara kesatuan akidah, menolak sikap melampau, serta mempertahankan tradisi ilmu berteraskan mazhab Syafi'i dan akidah Ash'ariyah-Maturidiyah yang menjadi prinsip agama Islam di Malaysia.¹² Ini bertepatan dengan dapatan kajian oleh Tsuria & Tsuria yang mendapati bahawa sistem AI tidak mampu membezakan antara mazhab dan aliran teologi melainkan pengguna menyatakan arahan yang tepat dan kontekstual dalam *prompt* mereka¹³.

Perkara yang sama turut berlaku dalam disiplin fikah di mana jika pengguna bertanya “Apakah boleh untuk saya tidak bermazhab?”, AI menjana respon yang mengelirukan dengan menyebutkan bahawa seseorang itu boleh untuk tidak bermazhab dalam erti tidak fanatik terhadap satu mazhab atau tidak boleh tidak bermazhab, seolah-olah diberi pilihan. Sedangkan Umat Islam di Malaysia secara umumnya berpegang kepada mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah, akidah berdasarkan mazhab Asha'riah dan al-Maturidiah dan fikah berdasarkan mazhab Syafie.¹⁴

¹¹ Empayar ASWJ, “Wahabi Tidak Sesuai di amal di Malaysia - Majlis Fatwa Kebangsaan,” Laman Sesawang Empayar ASWJ, diakses pada 26 Jun 2025, <https://empayaraswj.wordpress.com/2015/03/02/wahabi-tidak-sesuai-diamal-di-malaysia-majlis-fatwa-kebangsaan/?utm>.

¹² Jabatan Mufti Negeri Perak, “Fatwa Mengenai Penegahan Menyebarluaskan Aliran dan Dakyah Wahabiah di Negeri Perak Darul Ridzuan,” Warta Kerajaan Negeri Perak, https://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/warta_kerajaan/wahabiah.pdf; Amri El Wahab, “Malaysia: Fatwa Mengenai Faham Wahabi,” Laman Sesawang Fitrah Islami Online, <https://fitrahislami.wordpress.com/2016/10/14/%E2%80%8Bmalaysia-fatwa-mengenai-faham-wahabi/>; Jabatan Mufti Negeri Pahang, “Jawapan: Ajaran Wahabi Menurut Keputusan Jawatankuasa Perundungan Hukum Syarak Negeri Pahang,” Laman Sesawang Mufti Pahang, <https://mufti.pahang.gov.my/images/attachstore/kemusykilan-agama/jawapan%20wahhabiyah%201.pdf>; Jabatan Mufti Negeri Sembilan, “Aliran dan Dakyah Wahabiah,” Laman Sesawang Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, <https://muftins.gov.my/fatwa/aliran-dan-dakyah-wahhabiah/>; Mohamad al-Bakri, Zulkifli, “Al-Bayan Siri 5: Malaysia Negara Ahli Sunnah Wal Jamaah – Satu Penegasan,” Laman Sesawang ZulkifliAlBakri.com, <https://zulkifliabakri.com/al-bayan-siri-5-malaysia-negara-ahli-sunnah-wal-jamaah-satu-penegasan/?utm>.

¹³ Ruth Tsuria & Tsuria Yossi, “Artificial Intelligence’s Understanding of Religion”.

¹⁴ Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & ‘Ali al-Syarbaji, *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imam al-Shafi’i* (Damsyik: Dar al-Qalam, t.th.). Lihat juga Shakila Ahmad et al., “Analisa Tema Pengukuran Tahap Penggunaan Umat Islam di Malaysia Terhadap Akidah

Kadangkala AI menggabungkan pandangan dari pelbagai mazhab tanpa menyatakan konteks, atau merujuk kepada fatwa dari sumber luar negara yang tidak relevan dengan konteks Malaysia.

Dalam konteks tasawuf pula, kerancuan menjadi lebih parah apabila istilah-istilah spiritual seperti *fana'*, *zikir*, atau *ma'rifah* dikemukakan kepada AI tanpa rujukan mazhab atau tokoh yang sahih. AI cenderung mungkin mengaburkan batas antara tradisi rohani yang berbeza termasuk Zen Buddhism dan tasawuf.¹⁵ Hal ini berlaku kerana model AI telah dilatih dengan data terbuka daripada internet termasuk sumber-sumber spiritual bukan Islam yang berkongsi terminologi yang hampir sama. Tanpa penapisan epistemologi, AI memadankan istilah secara literal dan memberikan takrifan yang bercanggah dengan pandangan tasawuf Islam yang berteraskan syariat. Ini secara tidak langsung boleh menjelaskan fahaman tasawuf yang seharusnya tunduk kepada al-Quran, al-Sunnah dan disiplin ilmu yang diwarisi secara bersanad melalui tokoh-tokoh seperti al-Junayd al-Baghdadi, al-Qushayri dan al-Ghazali.

Melalui analisis respons AI terhadap pertanyaan berkaitan akidah, dapatkan mendapati bahawa tanpa batasan mazhab dalam prompt, AI cenderung memberi respons bercampur aduk dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Berikut merupakan beberapa tangkapan skrin yang memberikan situasi sebenar bagaimana penulis berinteraksi dengan AI iaitu ChatGPT:

Ahli Sunnah Wal Jamaah”, *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 16.1 (2019), 116–132.

¹⁵ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad, *Ihya 'Ulum al-Din* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2005). Lihat juga Yu, Tianyuan, “Can AI do Spiritual Research? A Zen Buddhist Perspective”, *Journal of Management, Spirituality & Religion* 22.2 (2024), 1–18.

Rajah 1.0: ChatGPT Menjawab Persoalan Akidah

apakah akidah yang paling benar dalam islam

Dalam Islam, akidah (atau aqidah) yang paling benar adalah akidah yang bersumber dari Al-Qur'an dan Sunnah Nabi Muhammad ﷺ, dan dipahami sebagaimana para sahabat serta generasi awal umat Islam (salafus shalih) memahaminya.

Akidah yang paling sesuai dengan prinsip tersebut dikenal sebagai akidah Ahlus Sunnah wal Jama'ah.

Ciri-ciri akidah Ahlus Sunnah wal Jama'ah:

1. Tauhid murni: Mengesakan Allah dalam rububiyah (pengaturan), uluhiyah (ibadah), dan asma wa sifat (nama-nama dan sifat-sifat Allah).
2. Berpegang pada Al-Qur'an dan Hadis shahih: Menjadikan keduanya sebagai landasan utama.
3. Tidak membuat-buat ajaran baru (bid'ah) dalam perkara keyakinan.
4. Mengikuti pemahaman para sahabat dan ulama salaf.
5. Tidak mengingkari sifat-sifat Allah yang disebut dalam Al-Qur'an dan hadis, tanpa menyerupakannya, menakwilkan secara batil, menafikan, atau membayangkan.

Beberapa kelompok dalam sejarah Islam yang punya perbedaan akidah:

- Ahlus Sunnah wal Jama'ah (Salafi, Asy'ari, Maturidi) – meskipun ada sedikit perbedaan internal, mereka tetap menganggap Al-Qur'an dan hadis sebagai dasar akidah.

Rajah 2.0: ChatGPT Menjawab Persoalan Fiqh

apakah boleh untuk saya tidak bermazhab

Pertanyaan ini dalam banget dan penting, karena menyangkut bagaimana kamu belajar dan mengamalkan Islam.

Jawaban ringkas:

- Boleh tidak bermazhab dalam arti tidak fanatik terhadap satu mazhab, selama kamu berpegang pada Al-Qur'an dan Sunnah dengan pemahaman ulama yang benar.
- Tidak boleh tidak bermazhab dalam arti: meninggalkan semua warisan ilmu ulama dan mencoba berjihad sendiri tanpa ilmu — karena itu bisa berbahaya dan menyesatkan.

Rajah 3.0: ChatGPT Menjawab Persoalan Akidah

apakah manhaj akidah dalam islam?

Manhaj akidah dalam Islam merujuk kepada cara, metodologi, atau pendekatan yang digunakan untuk memahami, menghayati, dan menyampaikan **akidah** (keyakinan) Islam secara benar dan sahih, berdasarkan al-Quran dan Sunnah serta pemahaman para sahabat dan generasi awal umat Islam (*salafus soleh*).

Berikut adalah penjelasan ringkas tentang manhaj akidah dalam Islam:

1. Bersumberkan Wahyu (al-Quran dan Sunnah)

- Segala akidah mestilah diambil dari al-Quran dan hadis sahih.
- Tidak boleh berdasarkan logik semata-mata, mimpi, atau filsafat yang bertentangan dengan dalil.

2. Memahami Akidah Berdasarkan Pemahaman Salafus Soleh

- Salaf merujuk kepada para sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in.
- Manhaj mereka dianggap paling selamat kerana mereka lebih dekat dengan zaman Nabi SAW dan lebih faham maksud wahyu.

3. Menjauhkan Diri dari Ilmu Kalam dan Falsafah

- Ilmu kalam sering membawa kepada perdebatan logik yang membingungkan dan boleh merosakkan akidah.
- Ulama salaf melarang penggunaan ilmu kalam dalam memahami sifat-sifat Allah, misalnya.

Situasi ini memerlukan tindakan strategik dan sistematik oleh institusi keagamaan dan pendidikan Islam. Kesedaran terhadap potensi penyimpangan maklumat dalam AI perlu diterapkan dalam silibus pengajian Islam moden khususnya dalam bidang Usuluddin dan Syariah. Pelajar dan pensyarah perlu didedahkan kepada pendekatan ‘prompt beretika’ yang mengambil kira konteks ilmu Islam agar AI dapat digunakan secara terarah sebagai alat bantu, bukan pengganti. Latihan literasi AI juga wajar dikembangkan dalam bentuk bengkel, seminar atau kursus pensijilan khas oleh institusi Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Selain itu, perlu ada kerjasama antara pembangun AI Muslim dan institusi fatwa untuk membina sistem AI Islamik yang dilatih khas dengan data bersanad, kandungan sahih dan pemahaman mazhab yang jelas.

Dapatkan kajian menunjukkan terdapat keperluan mendesak untuk menetapkan satu garis panduan khusus bagi penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam bidang keagamaan bagi memastikan setiap penggunaan *prompt* AI berlandaskan kepada

kerangka ilmu Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) yang sahih. Garis panduan ini digubal berpaksikan kepada pendekatan Manhaj Azhari, iaitu suatu pendekatan keilmuan yang berteraskan prinsip *tawasuth* (sederhana), *tawazun* (seimbang) dan *tatsabut* (berpaut kepada sumber sahih)¹⁶. Manhaj Azhari diangkat kerana keseimbangannya dalam akidah, fiqh dan tasawuf yang bersumber sahih serta bersanad. Sejak awal abad ke-20, graduan al-Azhar tampil sebagai mufti, pensyarah dan penggubal dasar agama di Malaysia, menjadikan manhaj ini tunjang tradisi pengajian Islam tempatan. Pemilihan Manhaj Azhari untuk garis panduan ini bersandar pada sumbangannya yang mendasar sebelum wujudnya program pengajian Islam di universiti tempatan. Alumni al-Azhar merupakan kelompok terawal yang mengajar di sekolah, pondok dan masjid, membangunkan sekolah agama rakyat, serta memasyarakatkan akidah Asha'irah, fiqh Syafi'i dan tasawuf sunni. Peranan ini diperkuuh melalui perjanjian kerjasama pendidikan antara Universiti al-Azhar dan Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2000, yang meliputi pertukaran pensyarah dan penyelidikan bersama, sekaligus menzahirkan pengiktirafan rasmi negara terhadap Manhaj Azhari sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan Islam kebangsaan¹⁷.

Manhaj ini menetapkan keperluan untuk berpegang teguh kepada akidah, fikah dan tasawuf yang berlandaskan ajaran ASWJ, dengan merujuk secara jelas kepada aliran Asha'irah dan Maturidiyyah dalam bidang akidah, berdasarkan karya dan pandangan tokoh muktabar seperti Imam Abu Hasan al-Ash'ari dan Imam al-Ghazali. Dalam bidang fikah, garis panduan ini

¹⁶ Lihat Zaenal Mustofa, "Manhaj Azhari dalam Menuntut Ilmu," <https://www.scribd.com/document/842252504/Manhaj-Azhari-dalam-Menuntut-Ilmu?utm>. Manhaj ini menjelaskan bagaimana sistem pembelajaran di Al-Azhar menjadi semakin teratur dan pemetaan ilmu disusun rapi dari peringkat asas hingga ke tahap kepakaran. Seterusnya, lihat juga "Manhaj Al-Azhar: Naql, Aql, dan Zauq," <https://www.oiaaindonesia.org/manhaj-al-azhar-naql-aql-dan-zauq?utm>. Al-Azhar terus memainkan peranan penting dalam pendidikan Islam yang merangkumi aspek akidah, syariah dan akhlak, dengan menampilkan Islam sebagai agama kasih sayang, perdamaian dan keadilan sejahtera. Manhaj pendidikannya berpaksikan pendekatan holistik yang menyatukan ilmu *naqli* (berdasarkan al-Quran dan Sunnah), *aqli* (berdasarkan hujah akal seperti ilmu kalam, falsafah dan mantik), serta *dzauqi* (berteraskan pengalaman rohani dan ilmu tasawuf). Ketiga-tiga komponen ini membentuk keseimbangan ilmu dan adab dalam diri seorang Azhari.

¹⁷ Wan Kamal Mujani, Idris Abdullah & Ibrahim Abu Bakar, "The Role of the al-Azhar University in the Dissemination of Islamic Religious Knowledge in Malaysia," *Advances in Natural and Applied Sciences* 6.8 (2012), 1411.

berpegang kepada Mazhab Syafi'i dengan merujuk kepada kitab-kitab utama seperti al-Majmu' dan Nihayat al-Muhtaj, manakala dalam bidang tasawuf, ia merujuk kepada ajaran tasawuf sunni yang sahih melalui tokoh seperti Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali. Selain itu, garis panduan ini turut menekankan keperluan merujuk kepada fatwa rasmi JAKIM atau Jabatan Agama Negeri serta menolak fahaman yang bercanggah dengan ASWJ seperti syiah, wahhabi, mujassimah, dan sebahagian pandangan Ibn Taymiyyah yang bertentangan dengan prinsip *tanzih* dan *takwil* dalam akidah ASWJ. Dari segi metodologi, penyusunan garis panduan ini menggabungkan pendekatan *tahlili* (analitikal), *maudu'i* (tematik), dan *muqaran* (perbandingan) yang dilaksanakan secara adil, beradab dan berteraskan tradisi ilmu. Ia juga menekankan aspek adab ilmu, penggunaan bahasa yang sopan dan mudah difahami, serta pematuhan kepada prinsip maqasid syariah khususnya dalam menjaga agama (*hifz al-din*) dan akal (*hifz al-'aql*). Dalam hal ini, hanya sumber maklumat yang sahih, wujud dan diiktiraf oleh disiplin akademik Islam digunakan, manakala sumber liberal, sekular atau orientalis hanya digunakan secara kritikal dalam konteks perbandingan ilmiah yang disusuli dengan pembetulan manhaj.

Manhaj al-Azhar dibina atas lapan komponen utama yang mencerminkan keseimbangan antara tradisi dan pembaharuan dalam pendidikan Islam. Pertama, rantai ilmu-ilmu al-Azhar ialah rantai yang terhubung hingga sumber, baik dari segi ilmu riwayat, pemahaman dan penyucian jiwa. Kedua, Al-Azhar sangat memperhatikan ilmu-ilmu alat. Ketiga, pelajar dididik untuk memahami maqasid syariah agar memiliki pandangan yang luas, sederhana dan hikmah dalam berinteraksi dengan nas dan realiti. Keempat, mereka dilatih menempatkan ayat-ayat al-Quran sesuai dengan konteksnya yang sebenar, tanpa berlaku kekeliruan dalam pentafsiran. Kelima, manhaj ini mengajarkan pelajarnya untuk mengagungkan umat Nabi Muhammad SAW sebagai pembawa rahmat dan pewaris risalah. Keenam, terdapat kesedaran mendalam bahawa menyampaikan hidayah kepada seluruh manusia adalah satu tanggungjawab besar yang menuntut kelembutan, kasih sayang dan kebijaksanaan. Ketujuh, ilmu dilihat sebagai gabungan antara sumber wahyu iaitu al-Quran, hadis, *ijma'* dan *qiyyas*, manhaj yang sahih dan kelayakan pelajar

dalam memahami nas. Kelapan, manhaj ini mengiktiraf kepentingan turath Islam sebagai khazanah umat.¹⁸

Keseluruhannya, pendekatan Manhaj Azhari yang digunakan dalam garis panduan ini bukan sahaja menjamin kesahihan dan adab dalam penggunaan AI, malah membuktikan kesesuaian *turath* Islam untuk mendepani cabaran semasa dan memastikan AI dimanfaatkan sebagai alat dakwah dan pendidikan yang berpaksikan kepada ilmu yang sahih dan berautoriti. Berikut adalah Garis Panduan ‘Etika Penggunaan Prompt AI Islamik’ yang disusun oleh penulis berpandukan rujukan yang sahih dan muktabar, iaitu:

Penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam menjawab soalan-soalan agama perlu bersumberkan fakta dan berasaskan niat yang sahih serta berpandukan kerangka ilmu Islam yang diiktiraf. Oleh itu, setiap *prompt* yang ditujukan kepada AI mestilah bertujuan untuk menuntut ilmu secara beradab, memperkuuh kefahaman agama, serta menjauhi sikap provokatif, polemik, dan penghinaan terhadap aliran yang sah dalam tradisi Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ).

Dalam bidang akidah, setiap penggunaan *prompt* mestilah menyatakan secara jelas bahawa jawapan yang diberikan hendaklah berpandukan kepada aliran Asha‘irah dan Maturidiyyah, iaitu pegangan rasmi umat Islam di Malaysia. Rujukan hendaklah diberikan kepada tokoh-tokoh akidah yang muktabar seperti Abu Hasan al-Ash‘ari, Abu Mansur al-Maturidi, Imam al-Syafie, Imam al-Ghazali, Imam al-Juwayni, Imam al-Taftazani, Imam al-Nawawi dan sebagainya dengan fakta yang sudah ditashihkan serta menyemak

¹⁸ Usamah Sayyid Al-Azhari, “8 Komponen yang Membentuk Manhaj al-Azhar,” Laman Sesawang Sanad Media, 2024, <https://sanadmedia.com/artikel/8-komponen-yang-membentuk-manhaj-al-azhar/?utm>.

rujukan. Konsep sifat 20 juga wajar diketengahkan sebagai asas utama dalam pembentukan ilmu tauhid. Sebarang pandangan yang bercanggah seperti ajaran syiah, wahhabi, mujassimah serta sebahagian gagasan Ibn Taymiyyah yang memperkenalkan fahaman tauhid tiga dan mengandungi unsur *tashbih* serta *tajsim* hendaklah ditolak secara tegas kerana bertentangan dengan prinsip *takwil* dan *tanzih* yang menjadi asas dalam akidah Ahli Sunnah wal Jamaah.

Dalam hal fikah, keutamaan wajib diberikan kepada Mazhab Syafi'i yang menjadi mazhab rasmi negara dan diamalkan secara meluas di Malaysia. Ulama fikah seperti al-Nawawi, al-Ramli dan al-Syirbini hendaklah dijadikan rujukan utama. Sekiranya berlaku khilaf dalam isu yang dibincangkan, *prompt* perlu mengarahkan AI agar menjelaskan pendapat yang rajih mengikut *qawl mu'tamad* Mazhab Syafi'i. Sekiranya perlu, pandangan Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali boleh disebut sebagai maklumat tambahan, namun tidak boleh mengatasi autoriti Mazhab Syafi'i dalam konteks Malaysia. *Prompt* juga perlu menetapkan agar kesimpulan hukum dirumuskan mengikut fatwa semasa yang dikeluarkan oleh JAKIM atau Jabatan Agama Negeri.

Dalam bidang tasawuf, panduan yang diberi hendaklah berpaksikan kepada ajaran tasawuf sunni yang sahih dan bersanad. Antara tokoh utama yang perlu dirujuk termasuk al-Ghazali, Junayd al-Baghdadi dan ulama tasawuf muktabar. Penekanan perlu diberikan bahawa amalan tasawuf mesti selari dengan syariat

Islam dan tidak bercampur dengan unsur sinkretisme, pseudo-spiritual atau fahaman tasawuf bebas yang terkeluar daripada disiplin ilmu Islam. *Prompt* juga hendaklah menolak sebarang pendekatan yang merosakkan nama baik tasawuf seperti fahaman new age atau meditasi Timur (seperti yoga) yang disalah ertikan sebagai zikir atau *fana'*.

Pengkaji dari sudut sumber maklumat, *prompt* mestilah menyatakan dengan tegas bahawa AI hanya boleh menghasilkan jawapan berdasarkan sumber sahih yang benar benar wujud dan berautoriti. Ini termasuk kitab-kitab *turath*, fatwa rasmi dan rujukan akademik yang mengikut disiplin ASWJ. Sumber-sumber sekular, liberal dan orientalis hendaklah dielakkan, kecuali jika digunakan secara kritikal untuk perbandingan ilmiah yang disusuli dengan penjelasan yang sah menurut manhaj ASWJ.

Akhir sekali, dari segi bahasa dan gaya penulisan, setiap *prompt* hendaklah disusun dalam bentuk yang jelas, mudah difahami dan tidak mengelirukan. Gaya bahasa yang digunakan mestilah sopan, beradab serta sesuai untuk pembaca umum dan pelajar dalam bidang Pengajian Islam.

Walaupun respons yang dihasilkan oleh sistem kecerdasan buatan seperti ChatGPT secara umumnya bersifat rasional dan berhemah, panduan ini disediakan sebagai langkah preventif untuk memastikan bahawa input pengguna juga mematuhi etika penulisan yang wajar. Justeru, penggunaan bahasa yang mengandungi unsur sinis, ejekan atau ketidaksopanan terhadap pandangan lain

khususnya dalam kalangan mazhab muktabar, hendaklah dielakkan sama sekali.

Bagi isu-isu yang bersifat khilafiah, perbezaan pandangan hendaklah ditangani dengan adab ikhtilaf dan prinsip wasatiyyah, sebagaimana yang ditekankan oleh para ulama besar dan digariskan dalam khutbah-khutbah rasmi negara. Pendekatan ini penting bagi memelihara kesantunan wacana serta memastikan perbahasan ilmu disampaikan dalam kerangka yang mendidik, menghormati perbezaan, dan mencerminkan nilai-nilai Islam yang luhur

Garis panduan ini merupakan kerangka asas bagi menjamin bahawa penggunaan AI dalam hal keagamaan tidak menyeleweng daripada pegangan ASWJ dan tidak mencemarkan kesucian ilmu Islam. Ia juga bertujuan untuk membantu institusi agama, pendidik, pelajar dan masyarakat umum agar menggunakan teknologi ini dengan amanah, adab dan kefahaman yang berpaksikan kebenaran.

Sebagai contoh, dapatan kajian ini membangunkan beberapa bentuk *Prompt Islamik Beretika* yang boleh diaplikasikan dalam penggunaan AI. Antaranya ialah *prompt* seperti: “*Jawab berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah beraliran Asha’irah atau Maturidiyyah dalam akidah, menggunakan fatwa JAKIM dalam fiqah, dan berpandukan ajaran tasawuf yang sahih berdasarkan al-Ghazali.*” Selain itu, terdapat *prompt* khusus untuk isu akidah yang mengarahkan agar respons berdasarkan konsep sifat 20, serta menolak fahaman seperti syiah, wahhabi dan fahaman mujassimah. Dalam bidang fiqah pula, *prompt* mengarahkan AI agar mengutamakan pandangan Mazhab Syafi’i dan menyatakan pendapat rajih jika berlaku khilaf. Pendekatan ini membuktikan bahawa penggunaan *prompt* yang tepat dapat memandu AI menghasilkan respons yang sahih, selari dengan

pegangan ASWJ. Berikut adalah Contoh ‘Prompt Islamik Beretika’ secara lebih tersusun, iaitu:

i. ***Prompt Asas untuk Penggunaan Selamat & Sahih:***

“Jawab berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berlandaskan aliran Ashairah dan Maturidiyyah dalam akidah, serta putuskan hukum mengikut fatwa JAKIM atau Jabatan Agama Negeri, utamakan Mazhab Syafi‘i dalam fiqh, dengan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali sebagai maklumat tambahan jika perlu. Elakkan pandangan golongan mujassimah, Wahhabi atau mana-mana aliran yang bertentangan dengan manhaj ASWJ. Gunakan gaya bahasa yang mudah difahami dan sesuai untuk pembaca umum serta pelajar pengajian Islam. Buat kesimpulan mengikut fatwa JAKIM atau Pejabat Agama di Malaysia. Tashihkan fakta dan berikan link rujukan.”

ii. ***Prompt untuk Isu Akidah:***

“Terangkan isu ini berdasarkan pegangan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, khususnya mengikut pendekatan aliran Ashairah dan Maturidiyyah menetapkan, dengan pegangan sifat 20. Nyatakan pandangan tokoh-tokoh seperti Abu Hasan al-Ash'ari, Abu Mansur al-Maturidi, al-Ghazali, al-Taftazani, al-Juwayni, al-Nawawi dan sebagainya. Elakkan pendapat syiah, wahabi, Ibn Taymiyyah, fahaman mujassimah, atau pandangan lain yang sesat atau bertentangan dengan prinsip *takwil* dan *tanzih* dalam akidah. Buat kesimpulan mengikut fatwa JAKIM atau Jabatan Agama Islam di Malaysia. Tashihkan fakta dan berikan pautan rujukan.”

iii. ***Prompt untuk Hukum Fiqah:***

“Nyatakan hukum fiqh isu ini berdasarkan panduan rasmi seperti fatwa JAKIM atau Jabatan Agama Negeri, berdasarkan Mazhab Syafi‘i, dengan menyebut dalil daripada al-Quran, hadis sahih, dan pandangan ulama *mu'tamad* seperti al-Nawawi, Ramli dan al-Syirbini. Sekiranya berlaku khilaf, nyatakan pendapat yang rajih berdasarkan *qawl mu'tamad*. Buat kesimpulan mengikut fatwa JAKIM atau Jabatan Agama Islam di Malaysia. Tashihkan fakta dan berikan pautan rujukan.”

iv. *Prompt* untuk Isu Tasawuf:

“Huraikan isu ini mengikut pandangan tasawuf Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berpaksikan kepada ajaran al-Ghazali, Junaid al-Baghdadi, dan ulama tasawuf muktabar. Tegaskan kepatuhan kepada syariat. Buat kesimpulan mengikut fatwa JAKIM atau Jabatan Agama Islam di Malaysia. Tashihkan fakta dan berikan pautan rujukan.”

v. *Prompt* untuk Pengawalan Etika dan Sumber AI:

“Pastikan maklumat yang dijana adalah sahih, berdasarkan kitab *turath* atau rujukan akademik Ahli Sunnah Wal Jamaah yang benar-benar wujud. Elakkan kandungan bercanggah dengan akidah Islam seperti pandangan sekular, atau liberal, kecuali jika disebut secara kritikal untuk tujuan perbandingan ilmiah bersama penjelasan daripada perspektif ASWJ. Buat kesimpulan mengikut fatwa JAKIM atau Jabatan Agama Islam di Malaysia. Tashihkan fakta dan berikan pautan rujukan.”

Secara ringkasnya, penggunaan AI dalam isu agama bukanlah sesuatu yang neutral dan bebas risiko. Teknologi, termasuk AI, perlu dimanfaatkan untuk kemaslahatan umat manusia dalam aspek kesihatan, pendidikan, sosial dan ekonomi, dengan tetap memelihara hak asasi manusia serta prinsip moral Islam¹⁹. Tanpa kefahaman Islam yang mendalam dan penggunaan *prompt* yang tepat, AI boleh menjadi medium penyebaran fahaman yang menyimpang secara halus. Bagi mengatasi cabaran ini, penulisan ini mencadangkan konsep ‘Prompt Islamik Beretika’ yang merangkumi lima prinsip utama: kejelasan mazhab, penggunaan istilah disiplin ilmu, niat yang sahih, penapisan maklumat, serta sokongan institusi Islam dalam pembangunan AI yang berpandukan data sahih. Pendekatan ini diyakini mampu menjadikan AI sebagai alat bantu ilmu yang selamat dan selari dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

¹⁹ E. Haikcal Firdan El-Hady & M. Fauzan Zenrif, “Pandangan Islam Terhadap Etika Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) dalam Kehidupan Sehari-hari”, *Nuansa: Jurnal Penelitian Ilmu Sosial dan Keagamaan Islam* 21.2 (2024), 84–98.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, AI merupakan teknologi yang sangat berguna dalam era digital, namun ia perlu digunakan dengan penuh tanggungjawab. Mengikut konteks keilmuan Islam, pemeliharaan kesucian ilmu dan kefahaman agama adalah suatu amanah yang tidak boleh dikompromikan. Oleh itu, pengguna Muslim perlu dididik agar berinteraksi dengan AI secara lebih cermat, beradab dan berilmu. Konsep ‘Prompt Islamik Beretika’ yang dicadangkan dalam penulisan ini diharapkan mampu menjadi asas kepada pembangunan masyarakat celik digital yang berpegang teguh kepada kerangka pemikiran Islam yang sahih dan mantap.

Rujukan

- Adawiah Hosni, Mohd Farhan Md Ariffin & Hamdi Ishak. “Isu dan Cabaran Chatgpt Terhadap Pengajian Islam.” *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah* 8.1 (2023): i–xvii. <https://doi.org/10.17576/turath-2023-0801-01>
- Amri El Wahab. “Malaysia: Fatwa Mengenai Faham Wahabi.” Laman Sesawang Fitrah Islami Online. <https://fitrahislami.wordpress.com/2016/10/14/%E2%80%8Bmalaysia-fatwa-mengenai-faham-wahabi/>.
- Al-Azhari, Usamah Sayyid. “8 Komponen yang Membentuk Manhaj al-Azhar.” Laman Sesawang Sanad Media. https://sanadmedia.com/artikel/8-komponen-yang-membentuk-manhaj-al-azhar/?utm_.
- E. Haikcal Firdan El-Hady & M. Fauzan Zenrif. “Pandangan Islam Terhadap Etika Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) dalam Kehidupan Sehari-hari.” *Nuansa: Jurnal Penelitian Ilmu Sosial Dan Keagamaan Islam* 21.2 (2024): 84–98. <https://doi.org/10.19105/nuansa.v18i1.xxxx>
- Empayar ASWJ. “Wahabi Tidak Sesuai diamal di Malaysia – Majlis Fatwa Kebangsaan.” Laman Sesawang Empayar ASWJ. Diakses pada 26 Jun 2025. https://empayaraswj.wordpress.com/2015/03/02/wahabi-tidak-sesuai-diamal-di-malaysia-majlis-fatwa-kebangsaan/?utm_
- Gassal-Bosch, Ines. “The Quest for Islam in a Virtual Maze: How the Internet is Shaping Religious Knowledge among Young

- Muslims in Berlin-Kreuzberg.” *The Oxford Middle East Review* 2.1 (2018): 28–51.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. *Ihya ‘Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005.
- Al-Jarjani, Sharif Ali bin Muhammad. *Sharh al-Mawaqif fi cIlm al-Kalam*, Ahmad Mahdi (pnyt). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1976.
- Al-Jauhari, Muhammad Rabi' Muhammad. *Waqafat Ma c a al-Syeikh al-Bajuri wa al-Jauharah*. Kaherah: Universiti al-Azhar, 2015.
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor. Fahaman Wahhabi: Warta Kerajaan Negeri Johor. Jil. 61, No. 3, 2 Februari 2017. Disiarkan di bawah Seksyen 47 dan subseksyen 48(6), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [Enakmen 16 Tahun 2003].
- Jabatan Mufti Negeri Pahang. “Jawapan: Ajaran Wahabi Menurut Keputusan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang.” Laman Sesawang Mufti Pahang. https://mufti.pahang.gov.my/images/attachstore/kemusykil_an-agama/jawapan%20wahhabiyah%201.pdf.
- Jabatan Mufti Negeri Perak. “Fatwa Mengenai Penegahan Menyebarluaskan Aliran dan Dakyah Wahabiah di Negeri Perak Darul Ridzuan.” Laman Sesawang Pejabat Mufti Negeri Perak. https://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/warta_kerajaan/wahabiah.pdf.
- Jabatan Mufti Negeri Sembilan. “Aliran dan Dakyah Wahhabiah.” Laman Sesawang Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. <https://muftins.gov.my/fatwa/aliran-dan-dakyah-wahhabiah/>.
- Al-Khin, Mustafa, Mustafa al-Bugha & ‘Ali al-Syarbaji. *Al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Madhhab al-Imam al-Shafi‘i*. Damsyik: Dar al-Qalam, t.th.
- Lukman Hakim & Muhamad Risqil Azizi. "Otoritas Fatwa Keagamaan dalam Konteks Era Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence/AI)", *Ar-Risalah: Media Keislaman Pendidikan Dan Hukum Islam* 21.2 (2023): 164–174. <https://doi.org/10.69552/ar-risalah.v21i2.2101>

“Manhaj Al-Azhar: Naql, Aql, dan Zauq.”
<https://www.oiaaindonesia.org/manhaj-al-azhar-naql-aql-dan-zauq/?utm>.

Mujani, Wan Kamal, Idris Abdullah & Ibrahim Abu Bakar. “The Role of the al-Azhar University in the Dissemination of Islamic Religious Knowledge in Malaysia.” *Advances in Natural and Applied Sciences* 6. 8 (2012): 1411–1413.

Mustofa, Zaenal. “Manhaj Azhari dalam Menuntut Ilmu.”.
<https://www.scribd.com/document/842252504/Manhaj-Azhari-dalam-Menuntut-Ilmu?utm>.

Nur Afiqah Mustaffa, Nur Afrina Putri Mohd Aquil, Anis Ayuni Abdul Ghafar & Mohamad Hafizuddin Mohamed Najid. Peranan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam Membantu Pencarian Maklumat al-Quran dan Hadis dalam Pengajaran dan Pembelajaran. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-9 (PASAK9 2024).

Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah. “Kenyataan Media Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Berkenaan Nasihat Kepada Umat Islam Supaya Berhati-hati dalam Berbicara di Media Sosial.” Laman Sesawang JAKIM.
<https://www.islam.gov.my/ms/kenyataan-media/4659-kenyataan-media-pengerusi-jawatankuasa-muzakarah-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-agama-islam-malaysia-mki-berkenaan-nasihat-kepada-umat-islam-supaya-berhati-hati-dalam-berbicara-di-media-sosial>.

Shakila Ahmad, Sharifah Khadijah Syed Abu Bakar, Harliana Abd. Halim, Intan Farhana Saparuddini, Abdullah Sulaiman, Halimi Mohd. Khalid & Nur Zainatul Nadra Zainol. “Analisa Tema Pengukuran Tahap Penguasaan Umat Islam di Malaysia Terhadap Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.” *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 16.1 (2019): 116–132.

Tsuria, Ruth, Tsuria, Yossi. “Artificial Intelligence’s Understanding of Religion: Investigating the Moralistic Approaches Presented by Generative Artificial Intelligence Tools”. *Religions* 15.375 (2024): 1–15.
<https://doi.org/10.3390/rel15030375>

- UNESCO. “Panduan AI Generatif dalam Pendidikan dan Penyelidikan.”
<https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000390836>
- Yu, Tianyuan. “Can AI do Spiritual Research? A Zen Buddhist Perspective.” *Journal of Management, Spirituality & Religion* 22.2 (2024): 1–18.
<https://doi.org/10.51327/thgf7043>
- Zaid, Bouziane, Jana Fedtke, Don Donghee Shin, Abdelmalek El Kadoussi, dan Mohammed Ibahrine. “Digital Islam and Muslim Millennials: How Social Media Influencers Reimagine Religious Authority and Islamic Practices.” *Religions* 13. 4 (2022): 1–15.
<https://doi.org/10.3390/rel13040335>
- Zin, Omar. “Dewan Rakyat: Etika, garis panduan guna AI perlu diteliti dari sudut Islam.” Laman Sesawang Utusan Malaysia.
<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/dewan-rakyat-etika-garis-panduan-guna-ai-perlu-diteliti-dari-sudut-islam/>
- Zulkifli, Mohamad Al-Bakri. “Al-Bayan Siri 5: Malaysia Negara Ahli Sunnah Wal Jamaah – Satu Penegasan.” Laman Sesawang ZulkifliAlbakri.com.
<https://zulkiflialbakri.com/al-bayan-siri-5-malaysia-negara-ahli-sunnah-wal-jamaah-satu-penegasan/?utm>.

